

18/03/1998

Nokia mohon status MSC

KUALA LUMPUR, Selasa - Nokia, syarikat telekomunikasi gergasi Finland, hari ini mengemukakan permohonannya untuk mendapatkan status Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai tanda sokongannya terhadap projek mega itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Nokia, Jorma Ollila, berkata beliau berharap usaha syarikatnya itu akan diberikan 'ganjaran' bagi membolehkan Nokia berada di kalangan 130 syarikat yang sudah menerima status MSC.

"Status MSC itu akan membolehkan Nokia membantu dalam mewujudkan persekitaran yang lebih baik, terutama dalam membangunkan aplikasi dan perkhidmatan data tanpa wayar serta multimedia," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini, beliau berkata Nokia komited terhadap pembangunan dan sumbangan kepada MSC.

Menurutnya, melalui MSC, Nokia berjanji akan membangunkan produk dan perkhidmatan multimedia dengan kelebihan daya saing bagi pasaran serantau dan global.

"Sehubungan itu, Nokia juga akan memindahkan pusat kemahirannya di Malaysia ke dalam MSC," katanya.

Menurut Ollila yang juga ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kepada MSC, pemindahan pusat kemahiran itu selaras dengan matlamat akhir mereka 'untuk menubuhkan Rumah Nokia yang berteknologi tinggi dalam MSC'.

Nokia bergerak cergas di Malaysia sejak awal 1980-an. Sejak itu, Nokia sudah meluaskan perniagaannya dalam bidang rangkaian tetap dan selular serta rangkaian khusus.

Beribu pejabat di Finland, Nokia ialah syarikat telekomunikasi yang menjalankan pelbagai kegiatan, membekalkan telefon bimbit, rangkaian telekomunikasi bergerak dan tepat, rumusan data komunikasi, terminal multimedia dan monitor komputer.

Sehingga tahun lalu, Nokia mencatat jualan bersih bernilai RM36 bilion hasil pasaran mereka di 130 negara. Nokia ketika ini mempunyai 36,000 kakitangan di seluruh dunia.

(END)